

Permohonan peruntukan saintis harus dilihat secara positif

UM 3 JUL 2001

KUALA LUMPUR 2 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu pengurusan dana penyelidikan dan pembangunan bersikap positif terhadap permohonan saintis untuk melaksanakan projek penyelidikan masing-masing.

Beliau mengakui memang sukar untuk menilai idea dan tujuan sesuatu kajian yang hendak dibuat, malahan mungkin kebanyakan daripadanya tidak membawa sebarang hasil dan kelihatan membazir.

Bagaimanapun Dr. Mahathir mengingatkan pegawai-pegawai yang diberi tugas mengurus dana supaya bersikap positif terhadap permohonan saintis yang membuat kajian dan pembangunan.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan jubli perak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) di sini hari ini.

Memandangkan sumbangan sains dan teknologi (S&T) ke arah perkembangan ekonomi tidak dapat dipertikaikan, Perdana Menteri menegaskan MOSTE memaikan peranan yang semakin penting.

Menurutnya, sebahagian faktor utama yang kritikal ditangani oleh MOSTE ialah membangun-

kan sumber manusia dan menggalakkan inovasi.

Dr. Mahathir berkata, bangsa yang maju dalam bidang S&T mempunyai budaya ingin tahu dan tidak terikat dengan cara-cara lama sehingga tidak sanggup menerima cara-cara baru dalam menangani sesuatu.

Justeru Perdana Menteri mengingatkan tidak mungkin bangsa Malaysia akan mencapai kemajuan dalam bidang tersebut jika mereka hanya mengulangi apa yang telah diamalkan oleh nenek moyang.

Kemajuan

Tegas beliau, kemajuan bangsa berpunca daripada penyelidikan yang tidak berhenti-henti untuk mendapat pengetahuan yang lebih mendalam.

Sebaliknya, bagi Dr. Mahathir, setiap pencipta perlu menganggap ia sebagai cabaran untuk mempertingkatkan lagi proses penyelidikan dan pembangunan mereka.

Pada masa yang sama, beliau menasihati pereka cipta agar mendapatkan khidmat pihak yang berkebolehan di bidang pengurusan perniagaan untuk tujuan perusahaan dan pemasaran rekaan mereka.